

# 1001 Masalah

Abu Al-Mukhtar Sedia Menjawab



## Hukum Zakat dalam Islam

dan segala pecahannya

(4)

Dalam Qalam bilangan yang lalu, telah diterangkan tentang zakat binatang ternak, dan dalam bilangan yang terdahulu telah juga diterangkan tentang zakat emas perak dan zakat barang-barang perniagaan, maka sekarang pula ialah tentang zakat tanaman-tanaman.

### 4- Zakat Tanaman-Tanaman

Zakat tanaman-tanaman telah *thabit* wajibnya dengan dalil-dalil am sebagaimana yang pernah diterangkan dalam bahagian-bahagian yang telah lalu dan juga telah *tahbit* wajibnya dengan dalil-dalil khas daripada qur'an dan hadith.

Di dalam al-Qur'an al-Karim, Allah Subhānahu wa Ta'ālā berfirman: "wa atū haqqahu yawma hasādihi"<sup>1</sup>. ertiinya: "Dan berikanlah oleh kamu akan haknya (akan zakat tanaman-tanaman itu) ketika kami mengetam (atau memungut) hasilnya."

Dan di dalam hadith pula Rasulullah ᷽allāhu 'alayhi wa sallam bersabda: "mā saqat as-samā'a fafīhi l-'ashar; wa mā saqā gharab ((dalū)) au dāliyat ((dulāb)) fafīhi nisfu l-'ashar<sup>2</sup>". Maksudnya: "Mana-mana tanaman yang dijirus oleh air hujan maka zakatnya ialah sebanyak sepuluh

peratus dan mana-mana tanaman yang dijirus dengan air yang dicedok dari perigi (atau sebagainya) maka zakatnya ialah lima peratus."

Syarat-syaratnya, samalah seperti syarat-syarat zakat am yang telah lalu keterangannya, dan ada pula syarat-syaratnya yang lain dan hukum-hukumnya yang dihuraikan di dalam empat-empat mazhab seperti berikut:

**Mazhab Shafi'i, berkata: zakat tanam-tanaman dan buah-buahan diwajibkan dengan tiga syarat selain daripada syarat-syarat am zakat yang telah lalu keterangannya.**

**Pertama – hendaklah hasil tanaman-tanaman itu dari benda-benda yang mengenyangkan seperti gandum, padi, sekoi, jagung, kacang dal, kacang putih dan sebagainya. Manakala benda-benda yang bukan dari jenis makanan yang mengenyangkan seperti halba, ketumbar dan sebagainya, maka tiadalah wajib zakatnya.**

**Kedua – hendaklah ada tuannya yang memiliki. Oleh itu maka tiadalah diwajibkan zakat pada tanaman-tanaman yang diwakafkan kepada masjid-masjid, kerana tiada tuannya yang tertentu.**

**Ketiga – hendaklah cukup nisab.**

**Buah-buahan yang diwajibkan zakatnya hanyalah buah kurma dan buah anggur sahaja.**

**Hasil tanaman-tanaman diwajibkan zakatnya apabila cukup nisab. Nisabnya ialah sebanyak lima "wasaq" atau kira-kira 375 gantang menurut sukatan kita di Tanah Melayu.**

**Ini ialah apabila biji-bijian itu bersih daripada tanah dan daripada kulitnya. Kalau biji-bijian itu daripada jenis yang disimpan dengan kulitnya seperti padi, atau bercampur dengan tanah, maka yang dihitung untuk dizakatkan ialah yang bersih dan cukup nisabnya. Bagi mencukupkan nisabnya tidak boleh disatukan dengan padi misalnya atau dengan lain-lain jenis. Jelasnya kalau hasil padi**

<sup>1</sup> Surah al-An'am: 141

<sup>2</sup> Hadith ini tidak dapat dipastikan kesahihannya.

**seseorang itu tidak cukup nisabnya maka tiadalah wajib zakatnya dan tidak dikehendaki mencukupkannya dengan jagung atau lainnya. Demikian juga halnya hasil tanaman-tanaman yang lain yang diwajibkan zakatnya. Tiada juga diwajibkan menyimpan hasil tahun ini untuk mencukupkan nisabnya dengan hasil tahun yang telah lalu.**

**Jumlah zakat yang dikeluarkan bergantung kepada cara tanaman itu mendapat air yang menghidupkannya. Mana-mana tanaman yang hidup dengan air hujan atau air sungai maka zakatnya ialah sepuluh peratus, dan mana-mana tanaman yang dijirus dengan air yang diangkut atau diupah mengangkutnya maka zakatnya ialah lima peratus.**

**Kalau pula tanaman seseorang itu hidup dengan air hujan dan juga dengan air yang diangkut atau yang diupah mengangkutnya maka zakatnya ialah tujuh setengah peratus.**

Mazhab Hanafi – berkata: Hasil tanaman-tanaman yang diwajibkan zakatnya ialah yang dipungut dari tanah ((‘ashriyyah)). Oleh itu maka hasil tanaman yang dipungut dari tanah ((*kharājiyyah*)) tiadalah wajib zakatnya.

((Tanah ‘ashriyyah)): ialah yang diwajibkan zakat tanaman sebanyak sepuluh peratus, iaitu tanah-tanah yang pada zaman perang di antara orang-orang Islam dengan yang bukan Islam, tuan-tuan tanah itu telah memeluk Islam dan tidak melawan, atau yang termasuk dalam kawasan yang telah ditakluk oleh orang Islam dan dibagikan kepada orang-orang Islam, atau yang telah dibuka dan ditanam oleh orang-orang Islam. Manakala ((tanah *kharājiyyah*)) pula ialah yang termasuk dalam kawasan yang telah ditakluk oleh orang Islam dalam perperangan dan telah dibiarkan di tangan tuan punya masing-masing dengan mengenakan cukai tertentu).

Hendaklah hasil yang keluar dari tanah-tanah itu ialah dari tanaman yang sengaja ditanam untuk menggunakan tanah itu dan menyuburkannya, oleh itu maka tiadalah wajib zakat pada kayu kayan, rumput dan buluh kerana tanah tidak subur dengan tanaman jenis-jenis yang tersebut, bahkan jenis-jenis itu merosakkan. Benar, kalau jenis yang tersebut dipungut dan dijual maka wajiblah zakatnya pada harganya jika cukup nisabnya. Tanah-tanah ini mestilah ditanam untuk dipungut zakat hasilnya kecuali *kharāj* (cukai) yang dikenakan pada tanah *kharājiyyah* maka itu boleh ditetapkan apabila tanah *kharājiyyah* itu sesuai untuk ditanam, dan tuannya berkebolehan menanamnya. Kalau tuannya berkebolehan menanamnya tetapi ia tidak menanamnya, maka tiadalah wajib zakat tetapi wajib dikeluarkan ((*kharājnya*)) (cukai yang telah ditetapkan) kerana tanahnya dikirakan boleh ditanam (hanya yang tak mahu menanamnya) Zakat itu diwajibkan ialah kerana tanah itu hidup dan mengeluarkan hasil, kecuali *kharāj* (cukai yang

Sudahkah tuan membaca:

#### **Surat Menyurat**

Disusun oleh Edrus – mengandungi hal ehwal pejabat surat dengan contohnya iaitu selain daripada mengandungi hal ehwal yang mengenai surat-surat beradat, kepada ahli-ahli agama, kepada orang awam.

Inilah pertama-pertama buku mengenai surat menyurat di dalam bahasa Melayu huruf Jawi yang lengkap kandungannya.

Senaskah \$1.80 Pos 20 sen.

Kalau memesan hendaklah disebut naskhah Jawi.

telah ditetapkan pada tanah jenis *kharājīyyah*) maka sebab wajibnya

ialah keadaan tanah itu yang hidup dan layak ditanam

walau hanya mengikut perhitungan (timbangan pihak yang

berkuasa yang memungut hasil *kharāj* itu).

Zakat tanaman itu ialah wajib dikeluarkan

sepuluh peratus dari hasil tanaman yang hidup

dengan air hujan atau air sungai yang mengairi tanah-tanah

itu, dan lima peratus jika tanaman itu dijirus

dengan air yang diangkut atau diupahkan mengangkatnya.

Jenis hasil tanaman-tanaman yang diwajibkan zakatnya itu

ialah segala jenis yang mengenyangkan seperti gandum, padi,

jagung dan sebagainya, dan segala jenis sayur-sayuran,

dan segala jenis buah-buahan, dan segala jenis rempah

ratus, baik banyak atau sedikit. Tidak disyaratkan

nisab atau masa genap setahun. Dalam pada itu tiada

diwajibkan zakat pada biji-bijian yang hanya boleh dibuat

benih seperti biji inai (inai) dan biji terung.

Tiada wajib juga pada getah yang keluar dari pokok.

Belanja-belanja yang dikeluarkan untuk tanaman-tanaman

tertanggung di atas si penanam. Segala hasil wajib

dikeluarkan zakatnya dengan tidak memotong sebarang

perbelanjaan yang telah dibelanjakan. Kalau tanaman itu telah

dijual sebelum dipungut hasilnya maka zakatnya wajib

atas di pembeli, dan kalau sesudah mengeluarkan

hasil maka zakatnya atas si penjual.

Masa wajib zakat sayur-sayuran ialah waktu keluar

buahnya kemudian wajib dikeluarkan zakatnya apabila dia

dipetik. Ada pun masa zakat biji-bijian itu dikeluarkan

ialah ketika dia telah dipilih dan disukat. Mana-mana yang

rosak tiada diwajibkan zakatnya, demikian juga yang telah

dimakan oleh tuannya kerana terdesak.

Mazhab Hanbali – berkata: Zakat tanaman-tanaman

diwajibkan dengan dua syarat selain daripada syarat-syarat zakat

yang am. Pertama hendaklah hasil tanaman-tanaman itu boleh

disimpan, kedua hendaklah ia cukup nisab. Nisabnya

ialah sebanyak lima *wasaq* sesudah hasil tanaman itu

dibersihkan daripada kulit dan tanah atau sampohnya, dan

juga setelah buah dan daunnya kering. Tidak ada bezanya

di antara benda-benda yang diwajibkan zakat itu jenis biji-bijian

atau lain-lainnya; jenis yang dimakan atau tidak seperti

gandum, kacang, biji sawi atau biji lobak. Tetapi

buah-buahan (kecuali anggur dan kurma) maka tiada

wajib zakatnya begitu juga sayur-sayuran.

Tanaman yang hidup dengan air hujan maka zakat

hasilnya ialah sepuluh peratus, dan yang hidup dengan

air yang diangkut maka zakatnya ialah lima peratus. Kalau

separuh mendapat air hujan dan yang separuh lagi

dijirus dengan air yang diangkut maka zakatnya ialah

tujuh setengah peratus, kalau tak dapat ditentukan maka

zakatnya sepuluh peratus (kerana yang demikian lebih selamat).

Masa wajib zakat biji-bijian ialah ketika dia

cukup masak dan sesuai dituai dan disimpan,

dan pada buah-buahan pula ialah ketika dia sedap dimakan.

Kalau tuannya merosakkan atau menjualnya selepas itu

maka tertanggunglah atasnya hak fakir miskin. Kalau

rosak sendiri dengan sendirinya maka gugurlah zakatnya, tetapi

kalau rosaknya sesudah ia disimpan maka tertanggunglah

atasnya zakatnya untuk fakir miskin.

Mazhab Maliki – berkata: Wajib zakat tanaman

apabila buah tanaman-tanaman itu masak dan sesuai untuk

dimakan. Buah yang gugur kerana dipukul angin hendaklah dikira (dan dikeluarkan zakatnya) jika buah yang gugur itu dapat dipungut dan mendapat faedah daripadanya, atau dihadiahkan kepada orang lain, atau dijadikan makanan binatang ternak, atau dijadikan upah orang-orang yang memungut (mengetam, memetik) hasil tanaman, atau lainnya. Hasil tanaman yang telah dimakan burung atau belalang, atau yang telah rosak disebabkan panas dan sejuk, atau yang telah dimakan oleh binatang ternak, maka tiadalah dikira (dan tiadalah wajib zakatnya).

Zakat tanaman-tanaman diwajibkan dengan syarat cukup

nisab, iaitu lima *wasaq*. Benda-benda yang diwajibkan zakatnya ialah gandum, padi, jagung, sekoi, segala jenis kacang dan buah zaitun. Dan dari buah-buahan pula ialah buah kurma dan anggur.

Tanaman yang hanya berpada dengan air hujan atau air sungai maka zakat hasilnya ialah sepuluh peratus, dan yang dijirus dengan air yang diangkut maka zakatnya ialah lima peratus, kalau pula separuh masa mendapat air hujan dan separuh masa yang lain dijirus dengan air yang diangkut maka zakatnya ialah tujuh setengah peratus.



*Pasukan Marhaban Kampung Sedeng Segamat, bergambar untuk kenangan. Duduk di tengah-tengah (nomor 3 dari kanan) ialah*

*saudara Muhammad Alias Basirun, ketua.*